

Headline	REHDA rayu longgar syarat pembeli rumah pertama
MediaTitle	Berita Harian
Date	17 Aug 2017
Section	Bisnes
Page No	B3
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



REHDA rayu longgar syarat pembeli rumah pertama

Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah (REHDA) memohon kerajaan melonggarkan peraturan kepada pembeli rumah kali pertama dan hartanah kurang dari RM500,000.

Presidennya, Datuk Seri FD Iskandar, berkata ia termasuk penetapan kadar faedah yang lebih rendah serta tempoh pinjaman yang lebih lama bagi transaksi dalam dua kategori itu.

"Kami mahu menyelesaikan isu pembiayaan, terutama bagi pembeli kali pertama dan bagi hartanah kurang dari RM500,000, supaya lebih fleksibel," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Hartanah PropertyGuru Malaysia 2017 di Kuala Lumpur, semalam.

Sidang kemuncak itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan Datuk Lee Chee Leong.

Puji Skim MyHome

Iskandar memuji usaha Kerajaan Persekutuan yang mem-

bantu pembeli rumah kali pertama, termasuk menerusi Skim MyHome yang menawarkan insentif RM30,000 bagi setiap unit perumahan mampu milik yang dibina.

"Ia memberi manfaat kepada pemaju dan pembeli. Namun, peruntukan itu dilihat sebagai tidak mencukupi buat masa ini dan diharapkan kerajaan akan menambah dalam pembentangan bajet akan datang," katanya.

Iskandar juga menggesa kerajaan menyediakan peluang saksama kepada pemaju hartanah tempatan untuk bersaing dengan mereka dari China.

"Pemaju dari China, yang datang ke sini, tidak mempunyai kuota kos rendah atau kuota Bumiputera dan diberikan pelepasan cukai lima tahun.

"Oleh itu, apa yang diberikan kepada mereka, juga dipanjangkan kepada kami. Kami adalah pembayar cukai. Mari bantu orang tempatan terlebih dahulu," katanya.

Beliau juga menggesa kerajaan negeri menghentikan paksaan kepada pemaju untuk membina rumah kos rendah RM42,000 dan ke bawah di kawasan yang tidak bersesuaian memandangkan pemaju hartanah, sebaliknya bersedia membayar jumlah itu untuk tidak memenuhi syarat terbahit.

"Negeri berkenaan mempunyai kawasan tanah paling besar dan wajar mengambil wang itu dan membina rumah kos rendah," katanya.

Dasar tidak konsisten

Iskandar juga berkata, dasar yang tidak konsisten antara kerajaan negeri dan antara kerajaan negeri dan Pusat adalah cabaran yang dihadapi industri berkenaan.

"Sektor ini dikawal ketat, dengan lebih 50 perundangan, peraturan dan garis panduan. Jika berlaku halangan dalam proses pada peringkat kelulusan, pasti akan berlaku kelewatan



Headline	REHDA rayu longgar syarat pembeli rumah pertama
MediaTitle	Berita Harian
Date	17 Aug 2017
Section	Bisnes
Page No	B3
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



Kami mahu menyelesaikan isu pembiayaan, terutama bagi pembeli kali pertama dan bagi hartanah kurang dari RM500,000, supaya lebih fleksibel”

FD Iskandar,
Presiden REHDA

bekalan rumah,” katanya.

Sementara itu, usaha kerajaan untuk menggunakan sistem binaan berindustri menjelang 2020, katanya, mungkin tidak tercapai berdasarkan kedudukan semasa industri terbabit.

“Kita tidak mempunyai mesin atau kemahiran yang mencukupi atau bekalannya. Untuk mencapai matlamat itu, insentif dan rebat mesti diberikan, selain mereka yang menggunakan IBS juga antara lain menerima insentif percukaian,” katanya.

Bertemakan ‘Mencorakkan Masa Depan Hartanah Malaysia’, sidang kemuncak itu adalah sebahagian daripada siri sidang kemuncak Hartanah Asia PropertyGuru.

Ia adalah forum khusus peringkat tinggi mengenai strategi dan inovasi industri yang dilangsungkan setiap tahun di rantau yang mempunyai pasaran hartanah paling maju, seperti Singapura, Thailand, dan Indonesia.

BERNAMA